
UMT
PROSPEKTUS
EDISI 2026
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
ASASI • DIPLOMA • SARJANA MUDA
QS ASIAN UNIVERSITY RANKINGS
TOP 200
2025
U&Me Together
TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

ISI KANDUNGAN

Peta Lokasi UMT 4

Evolusi UMT 6

Falsafah UMT, Visi, Misi, Objektif 8

Maklumat Am Sistem Pengajian di UMT 9

PROGRAM PENGAJIAN DI PUSAT/FAKULTI 10
Pusat Asasi STEM
Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur (FSPA)
Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi (FSMA)
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM)
Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK)
Fakulti Pengajian Maritim (FPM)
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS)

Syarat Am Universiti 12


SYARAT KHAS PROGRAM ASASI DAN DIPLOMA
Asasi STEM 16
Diploma Perikanan 18

SYARAT KHAS PROGRAM SARJANA MUDA
Fakulti Sains Perikanan dan Akuakultur (FSPA) 20
Fakulti Sains Makanan dan Agroteknologi (FSMA) 32
Fakulti Sains dan Sekitaran Marin (FSSM) 50
Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) 64
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kelautan (FTKK) 74
Fakulti Pengajian Maritim (FPM) 82
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) 98


Yuran Pengajian Prasiswazah 99

Yuran Program Sarjana Muda IDP 100

Cara Memohon



PETA LOKASI UMT


Arctic Ocean
North Pacific Ocean
Russian Federation
China
India
Australia
Iran
Pakistan
Turkey
Saudi Arabia
Kazakhstan
Mongolia
UMT
Kuala Nerus
Setiu
Kuala Terengganu
Hulu Terengganu
Dungun
Kemaman
Terengganu
45 minit
6 jam
Kuala Lumpur

EVOLUSI UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Pada 26 Julai 1999, Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mengiktiraf Kolej Universiti Terengganu sebagai kampus bersekutu UPM dimana para pelajarnya akan dikurniakan ijazah daripada UPM. KUT kemudiannya dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM pada 1 Julai 2001.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej -kolej universiti. Kini KUSTEM dikenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

Universiti Malaysia Terengganu **(UMT)**

2007 – NOW







Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia **(KUSTEM)**

2001 – 2006



Kolej Universiti Terengganu **(KUT)**

1999 – 2001



Universiti Pertanian Malaysia Terengganu **(UPMT)**

1997 – 1999



Pusat Perikanan dan Sains Samudera **(UPM)**

1979 – 1996



FALSAFAH UMT, VISI, MISI, OBJEKTIF

FALSAFAH UMT
Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti dalam menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kelestarian sejagat







VISI
Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global







MISI
Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam



SLOGAN
Terokaan Seluas Lautan Demi Kelestarian Sejagat



BIDANG TUJAHAN
Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik





MAKLUMAT AM
SISTEM PENGAJIAN DI UMT

Sistem pengajian yang diamalkan di UMT ialah sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian iaitu Semester 1 dan Semester 2. Tempoh satu semester ialah 19 minggu, dengan pecahan berikut:

14 minggu kuliah + 1 minggu cuti pertengahan semester + 1 Minggu Ulangkaji + 3 minggu peperiksaan akhir.

Manakala pecahan bagi semester pendek adalah: 8 minggu kuliah + 1 minggu peperiksaan akhir



STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM
Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu untuk menghasilkan graduan yang berwibawa, dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan, berguna kepada masyarakat, berpengetahuan, dan mempunyai kemahiran dan kualiti kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus di dalam kurikulum program, iaitu Teras Universiti, Teras Program, dan Elektif.

TERAS UNIVERSITI
Teras Universiti terdiri daripada beberapa kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar UMT. Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan tambahan kepada pelajar di samping pengetahuan yang didapati daripada bidang pengkhususan masing-masing.

TERAS PROGRAM
Teras Program terdiri daripada kursus yang berkaitan dengan bidang pengkhususan dan ditetapkan oleh jabatan yang mengendalikan program-program tersebut. Pelajar-pelajar di dalam program yang berkenaan diwajibkan untuk mengikuti kursus ini.

ELEKTIF
Elektif terdiri daripada kursus pilihan yang boleh diambil oleh pelajar. Kursus elektif masih diambil kira kreditnya dan diberikan mata nilaian.


PROGRAM PENGAJIAN
DI PUSAT/FAKULTI


Universiti Malaysia Terengganu mempunyai lima (6) Fakulti dan satu (1) Pusat Asasi seperti yang berikut:

1. PUSAT ASASI STEM

1. FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR
2. FAKULTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI
3 .FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN
4. FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK
5. FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN
6. FAKULTI PENGAJIAN MARITIM
7. FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL






Setiap Pusat / Fakulti yang ditubuhkan mempunyai peranan masing-masing bagi membantu merealisasikan visi dan misi Universiti Malaysia Terengganu

PUSAT ASASI STEM

Asasi STEM

FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)

Diploma Perikanan
Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Akuakultur dengan Kepujian

FAKULTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)

Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi Pemprosesan Agro dengan Kepujian

FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)

Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Sains Marin) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Nanofizik dengan Kepujian

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM)

Sarjana Muda Sains (Matematik Gunaan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains (Analitik Data) dengan Kepujian
Sajana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim (Kepujian)

FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN (FTKK)

Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi Tenaga Boleh Diperbaharui dengan Kepujian
Sarjana Muda Teknologi Elektrik (Tenaga dan Kuasa) dengan Kepujian
Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian (Dual Degree)
Sarjana Muda Sains Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Dengan Teknologi Persekitaran dengan Kepujian

FAKULTI PENGAJIAN MARITIM (FPM)

Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (FPEPS)

Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
Sarjana Muda Kewangan Dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan) dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian

SYARAT AM UNIVERSITI



PROGRAM DIPLOMA DAN ASASI

- **ASASI STEM**

  Pemohon mestilah memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan sekurang-kurangnya **LIMA (5)** kepujian termasuk **Bahasa Melayu** dan lulus dalam mata pelajaran **Sejarah** dalam peperiksaan SPM.

- **DIPLOMA PERIKANAN**

  Pemohon mestilah memiliki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan sekurang-kurangnya **TIGA (3)** kepujian termasuk **Bahasa Melayu** dan lulus dalam mata pelajaran **Sejarah** dalam peperiksaan SPM.

PROGRAM SARJANA MUDA

- **STPM**

  1. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira:

  2. Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan GRED C dalam 3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am:

- **MATRIKULASI / ASASI**

  1. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira:

  2. Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UKM / Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00:

- **STAM**

  1. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira:

  2. Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

- **DIPLOMA / SETARAF**

  1. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira:

  2. Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti

  ATAU

  Lulus peperiksaan STPM bukan tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am:

  ATAU

  Matrikulasi/Asasi bukan tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00:

  ATAU


  STAM bukan tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid:

  ATAU

  Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia / GCE A-Level serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat UA.

Mendapat sekurang-kurangnya Band 1.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 tahun 2021 atau Band 1 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

SYARAT KHAS PROGRAM ASASI DAN DIPLOMA





TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

ASASI STEM

TEMPOH PENGAJIAN

3 Semester
1 Tahun

UG0010001



INFO PROGRAM

Merupakan Program Asasi STEM pertama di Malaysia yang menyediakan bakal pelajar pra-siswazah UMT dengan pengetahuan serta kemahiran yang secukupnya dalam bidang STEM untuk memasuki program-program berasaskan Sains dan Teknologi di UMT.

KURSUS-KURSUS TERAS

Biologi, English for Special Purpose, Fizik, Keperibadian Ulul Albab, Kimia, Matematik, Pengenalan kepada Kejuruteraan & Teknologi Sains Bumi dan Pengenalan kepada Pengaturcaraan, Science in Life

SYARAT KHAS PROGRAM

SPM TAHUN SEMASA

1) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris.

2) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran berikut:
- **Matematik / Matematik Tambahan**

3) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C+** dalam TIGA (3) mata pelajaran berikut:
- **Biologi**
- **Fizik**
- **Kimia**

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C+** dalam DUA (2) mata pelajaran berikut:
- **Kimia / Fizik / Biologi**

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C+** dalam SATU (1) mata pelajaran berikut:
- Sains Tambahan / Grafik Komunikasi Teknikal / Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga / Reka Cipta / Sains Komputer / Sains Sukan / Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Lukisan Kejuruteraan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi / Perniagaan / Pendidikan Seni Visual / Pendidikan Muzik / Geografi / Kesusasteraan Melayu Komunikatif / Kesusasteraan Inggeris / Kesusasteraan Cina / Kesusasteraan Tamil / Pengajian Keusahawanan / Pendidikan Al-quran Dan Al-sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Tasawwur Islam / Usul Al-din / Al-syariah/ Manahij Al-'ulum Al-islamiah / Al-lughah Al-arabiah Al-mu'asirah / Al-adab Wa Al-balaghah / Hifz Al Quran / Maharat Al Quran / Turath Dirasat Islamiah / Turath Al-quran Dan Al-sunnah / Turath Bahasa Arab

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred A** dalam **SATU (1)** mata pelajaran berikut:
- **Sains / Sains Tambahan**

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C+** dalam **SATU (1)** mata pelajaran berikut:

- Grafik Komunikasi Teknikal / Asas Kelestarian / Pertanian / Sains Rumah Tangga / Reka Cipta / Sains Komputer / Sains Sukan / Pengajian Kejuruteraan Awam / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik / Lukisan Kejuruteraan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi / Perniagaan / Pendidikan Seni Visual / Pendidikan Muzik / Geografi / Kesusasteraan Melayu Komunikatif / Kesusasteraan Inggeris / Kesusasteraan Cina / Kesusasteraan Tamil / Pengajian Keusahawanan / Pendidikan Al-quran Dan Al-sunnah / Pendidikan Syari'ah Islamiah / Tasawwur Islam / Usul Al-din / Al-syariah / Manahij Al-'ulum Al-islamiah / Al-lughah Al-arabiah Al-mu'asirah / Al-adab Wa Al-balaghah / Hifz Al Quran / Maharat Al Quran / Turath Dirasat Islamiah / Turath Al-quran Dan Al-sunnah / Turath Bahasa Arab

LEPASAN O-LEVEL (PELAJAR ANTARABANGSA)

Minimun **grade C** in 5 subjects including Mathemathics, Physics, Chemistry and any other subject.

ENGLISH REQUIREMENT

- Minimun **Band 3.5** in **MUET** or band 5 in **IELTS** or **35-45** score in **TOEFL.**

MAKLUMAT LANJUT

Profesor Madya Dr. Laili
binti Haji Che Rose
Pengarah, Pusat Asasi STEM

asasistem@umt.edu.my /
laili@umt.edu.my
609-6333200

DIPLOMA PERIKANAN

TEMPOH PENGAJIAN

4 Semester
2 Tahun

UG4624001



INFO PROGRAM

Menjadi program dasar dalam bidang perikanan yang mampu berdaya saing serta mampu menyediakan ilmu dan prasarana pendidikan yang boleh diguna pakai bagi menyebar dan mengaplikasi ilmu berinovatif serta bersifat pemangkin kepada pembangunan modal insan dan pengendalian persekitaran secara mapan. Melahirkan graduan yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah di Universiti Malaysia Terengganu atau di institusi pengajian tinggi yang lain.

KURSUS-KURSUS TERAS

Sains Perikanan, Teknologi Tangkapan, Biologi & Bioteknologi Perikanan, Ekosistem Perikanan & Akuakultur, Dinamik Populasi Ikan, Pemakanan Ikan, Pemprosesan Produk Akuatik, Keusahawanan, Teknik Pembiakbakaan Ikan, Perikanan Rekreasi, Pengurusan Sumber Perikanan, Prinsip Akuakultur, Renang & Keselamatan Air

SYARAT KHAS PROGRAM

SPM TAHUN SEMASA / BUKAN TAHUN SEMASA

1) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C:** Matematik.
2) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred E:** Bahasa Inggeris.
3) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred A:** Sains.

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C+** dalam mana-mana **dua (2)** mata pelajaran **Elektif STEM** (Sains Gunaan dan Teknologi/ Mata Pelajaran Vokasional), **Elektif Sastera Ikhtisas dan Kemanusiaan, Elektif Bahasa, Elektif Pengajian Islam**

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran berikut: • Kimia / Fizik / Biologi

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran yang belum diambil kira.

PROSPEK KERJAYA

- Penolong Pegawai Perikanan
- Penolong Pegawai Penyelidik
- Penolong Pegawai Sains
- Penolong Pegawai Laut
- Usahawan Perikanan

MAKLUMAT LANJUT

Dr. Mohd Fazrul Hisam bin Abd Aziz
Ketua Program, Diploma Perikanan

kp_dperikanan.fspa@umt.edu.my
096334533

SYARAT KHAS PROGRAM SARJANA MUDA



FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)



TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (PERIKANAN)
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

6 Semester
3 Tahun

UG6624001



FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)

INFO PROGRAM

Penumpuan program ini adalah teknologi dan aplikasi dalam industri pengeluaran sumber perikanan. Program ini akan melahirkan tenaga pakar dalam mengendali dan menyelia industri perikanan yang merupakan industri penting dalam membekal sumber utama protein negara. Industri perikanan negara perlu terus digalakkan dan diuruskan dengan lebih baik kerana ianya menyumbang 53% daripada keperluan protein negara.

KURSUS-KURSUS TERAS

Biologi Invertebrat Akuatik, Biostatistik Perikanan, Botani Akuatik, Dinamik Populasi Ikan, Ekofisiologi Organisma Akuatik, Ekologi Akuatik, Iktiologi, Keselamatan dan Kualiti Makanan Laut, Kesihatan Organisma Akuatik, Mikrobiologi Persekitaran Akuatik, Pemprosesan Produk Akuatik, Prinsip Kepelautan dan Navigasi, Sains Perikanan, Teknik Eksploitasi Sumber Akuatik, Teknologi Alatan Perikanan.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM:
- Biologi / Fizik / Kimia / Matematik T

LEPASAN STPM (SASTERA)

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C+ dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM :
- Mathematics M / Perakaunan / Ekonomi / Pengajian Perniagaan / Seni Visual / Sains Sukan / Information And Communication Technology / Geografi

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam DUA (2) mata pelajaran di peringkat SPM :
- Biologi / Fizik / Kimia / Matematik / Sains Tambahan

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat Matrikulasi / Asasi:
- Biologi
- Fizik
- Kimia
- Matematik

LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

Memiliki **Diploma** dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.50** dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon;

LEPASAN DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA

Mempunyai kelulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diperakukan oleh Senat Universiti dalam bidang berkaitan dengan
mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.67**

ATAU

Mempunyai **kelulusan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 2** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Juru Runding
- Pegawai Alam Sektar
- Pegawai Laut
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Perikanan
- Pegawai Sains
- Pensyarah
- Usahawan Perikanan Moden

MAKLUMAT LANJUT

Dr. Roslizawati binti Ab.Lah
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian

kp_gperikanan.fspa@umt.edu.my
09-6335030

SARJANA MUDA SAINS AKUAKULTUR
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

8 Semester
4 Tahun

UG6624002



FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)

INFO PROGRAM

Akuakultur merupakan salah satu bidang yang diberi keutamaan di dalam sektor pengeluaran makanan di negara ini. Ia menyumbang kepada produktiviti negara dan juga meningkatkan taraf ekonomi penternak-penternak kecil dan usahawan yang menceburi bidang ini. Selaras dengan usaha kerajaan dan swasta yang terus meningkatkan produktiviti melalui perkembangan dan penggunaan teknologi baru dalam sektor ini, maka peluang-peluang pekerjaan di bidang ini terbuka luas dan bertambah dari masa ke semasa

KURSUS-KURSUS TERAS

Biologi Akuatik, Biostatistik Perikanan, Bioteknologi Akuakultur, Ekonomi Akuakultur, Ekosistem Akuakultur, Fisiokimia Sains Hayat, Kejuruteraan Akuakultur, Keselamatan dan Kualiti Makanan Laut, Kultur Invertebrat Akuatik, Kultur Makanan Hidup, Mikrobiologi Persekitaran Akuatik, Pemakanan dan Teknologi Makanan Ikan, Pemprosesan Produk Akuatik, Pengenalan kepada Industri Akuakultur, Pengurusan Kesihatan Ikan, Pengurusan Kualiti Air untuk Akuakultur, Penulisan Saintifik dalam Perikanan, Sistem dan Teknologi Akuakultur, Teknik Pengeluaran Akuakultur, Teknik Penghasilan Benih.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM:

- **Biologi / Fizik / Kimia / Matematik T**

LEPASAN STPM (SASTERA)

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C+ dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM :

- Mathematics M / Perakaunan / Ekonomi / Pengajian Perniagaan / Seni Visual / Sains Sukan / Information And Communication Technology / Geografi

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam DUA (2) mata pelajaran di peringkat SPM :

- Biologi / Fizik / Kimia / Matematik / Sains Tambahan

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat Matrikulasi / Asasi:

- **Biologi / Fizik / Kimia / Matematik**

LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

Memiliki Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.0** dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon;

ATAU

Mempunyai **kelulusan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 3.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 2** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Pengurus Projek (Awam & Swasta)
- Usahawan Akuakultur
- Pegawai Perunding
- Pegawai Sains
- Saintis
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Perikanan
- Pegawai Alam Sekitar
- Pensyarah

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Madya Ts. Dr. Wan Nurul Nadiah binti Wan Rasdi
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Akuakultur dengan Kepujian

kp_akua.fspa@umt.edu.my
09-6335047

FAKUTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEK-NOLOGI (FSMA)



TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

SARJANA MUDA SAINS AGROTEKNOLOGI (SAINS TANAMAN)
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

8 Semester
4 Tahun

UG6621001



FAKUTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)

INFO PROGRAM

Program Sains Tanaman merupakan bidang yang memfokuskan pengetahuan dalam teknik-teknik untuk meningkatkan hasil pertanian melalui penekanan terhadap kursus-kursus seperti anatomi dan pengkelasan tanaman, pembiakan genetik dan tumbuhan, fisiologi tumbuhan, sistem tanaman, teknologi pengeluaran tanaman, sains tanah, mekanisasi pertanian, teknologi pertanian ketepatan, kawalan perosak, penyakit dan rumpai dalam pertanian dan teknologi benih. Objektif utama program ini adalah untuk menjana dan menyebarkan pengetahuan untuk pembangunan pertanian dalam pelbagai bidang sains tanaman.

KURSUS-KURSUS TERAS

Biokimia, Botani dan Fisiologi Tanaman, Entomologi Pertanian, Genetik dan Bioteknologi Pertanian, Kaedah Penyelidikan Pertanian, Kejenteraan Pertanian, Komunikasi dan Pemindahan Teknologi Pertanian, Mikrobiologi Pertanian, Patologi Tumbuhan, Pembiakbakaan Tanaman, Sains Rumpai, Sains Tanah Asas, Sistem Komputer dan Aplikasi, Tanaman Perladangan, Teknologi Biji Benih, Teknologi dan Pengurusan Pembajaan Tanaman, Teknologi Pengeluaran Pertanian dan Makanan, Teknologi Semaian dan Pembiakan Tanaman, Teknologi Tanaman Tanpa Tanah

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM
SAINS
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM: **Fizik / Kimia / Biologi**

SASTERA
Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** pada peringkat STPM.
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat SPM: **Biologi / Fizik / Kimia / Sains**

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI SAINS / KEJURUTERAAN
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat Matrikulasi / Asasi: **Biologi / Fizik / Kimia**

PERAKAUNAN
Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** pada peringkat Matrikulasi.
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat SPM: **Biologi / Fizik / Kimia / Sains**

LEPASAN DIPLOMA/ SETARAF
Memiliki Diploma / mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 3.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 3** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pensyarah
- Pengurus Ladang
- Pegawai Pertanian
- Penguatkuasa Biosekuriti
- Usahawan

MAKLUMAT LANJUT

Dr. Nurul Faziha binti Ibrahim
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian

kp_tanaman.fsma@umt.edu.my
09-6334986

SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

8 Semester
4 Tahun

UG6541002



FAKUTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)

INFO PROGRAM

Program ini bertujuan untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan terlatih serta mahir dalam teknologi pemprosesan dan pengeluaran makanan untuk menghasilkan makanan yang selamat dan sihat. Graduan dari program ini boleh bekerja di pelbagai agensi awam dan swasta dalam bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi makanan, termasuk penyelidikan dan pengembangan produk makanan, perundangan dan pendidikan. Sebagai tambahan, graduan juga diberi pengetahuan keusahawanan yang membolehkan mereka berinovasi, dan usahawan bebas dalam industri makanan.

KURSUS-KURSUS TERAS

Analisis Kimia Makanan, Asas Kejuruteraan Makanan, Asas Penyediaan Makanan, Biokimia, Biostatistik, Fizik Asas, Jaminan dan Kawalan Kualiti Makanan, Kaedah Penyelidikan Makanan, Kimia Analisis Asas, Kimia Makanan, Komoditi Makanan, Matematik Kejuruteraan, Mikrobiologi Makanan, Pembungkusan Makanan, Pemprosesan Makanan, Pengenalan Sains Makanan, Penilaian Deria, Perakaunan Perniagaan, Peralatan dalam Analisis Makanan, Perkembangan Produk, Perundangan Makanan, Prinsip Kimia Fizik, Prinsip Kimia Organik, Prinsip Pemakanan Manusia, Prinsip Pengawetan Makanan, Sanitasi Kilang Makanan, Sistem Komputer dan Aplikasi, Unit Operasi dalam Pemprosesan Makanan.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C: Kimia** di peringkat STPM

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C: Kimia** di peringkat Matrikulasi /Asasi

LEPASAN DIPLOMA/ SETARAF
Memiliki Diploma / mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam SATU (1) mata Pelajaran Kimia/Biologi/Fizik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

LEPASAN STAM
Mendapat sekurang-kurangnya JAYYID pada peringkat STAM.

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Sains di peringkat SPM.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 2** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Eksekutif Halal Kilang Makanan
- Eksekutif Operasi Kilang Makanan
- Eksekutif Penganalisis Makanan
- Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan Produk Makanan
- Pakar Runding Produk Makanan
- Pegawai Kawalan Kualiti Makanan
- Pegawai Keselamatan Makanan
- Pegawai Pemasaran Makanan
- Pegawai Penguatkuasa Makanan Halal
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pegawai Teknologi Makanan
- Usahawan Produk Makanan

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Madya Ts. Dr. Norizah binti Mhd. Sarbon
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian

kp_makanan.fsma@umt.edu.my
09-6334968

SARJANA MUDA SAINS MAKANAN (PERKHIDMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN)

DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

8 Semester
4 Tahun

UG6541001



FAKULTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)

INFO PROGRAM

Program ini menerapkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sains makanan secara umumnya dari segi komposisi makanan, nilai pemakanan, perundangan makanan, pengurusan keselamatan makanan, analisis makanan dan pengembangan produk. Program ini memberikan nilai tambah kepada pelajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan pengurusan yang diperlukan dalam industri perkhidmatan makanan komersial yang semakin menitikberatkan pada penyediaan makanan yang selamat, sihat dan berkualiti tinggi. Program ini juga menyediakan pelajar dengan kepakaran dalam memberi nasihat tentang pengambilan jumlah makanan yang sesuai dan kaitannya dengan kesihatan kepada masyarakat.

KURSUS-KURSUS TERAS

Amali Penyediaan Makanan, Analisis Kimia Makanan, Biokimia, Biostatistik, Kaedah Penyelidikan Sains Makanan, Kimia Analisis Asas, Mikrobiologi Makanan, Pastri dan Bakeri, Pemakanan dan Kesihatan, Pemakanan Komuniti, Pemakanan Sepanjang Hayat, Pemakanan Terapi, Pengeluaran Makanan Komersial, Pengenalan Kimia Makanan, Pengenalan Sains Makanan, Pengurusan Keselamatan Makanan, Penilaian Deria, Perakaunan Perniagaan, Peralatan dalam Analisis Makanan, Perancangan Fasiliti Perkhidmatan Makanan, Perancangan Menu dan Perbelanjaan, Perkembangan Produk, Perundangan Makanan, Prinsip Kimia Fizik, Prinsip Kimia Organik, Prinsip Pemakanan Manusia, Prinsip Pemprosesan dan Pengawetan Makanan, Prinsip Penyediaan Makanan, Sistem Operasi Perkhidmatan Makanan.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D: Kimia** di peringkat STPM

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C: Kimia** di peringkat Matrikulasi / Asasi

LEPASAN DIPLOMA/ SETARAF
Memiliki Diploma / mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam SATU (1) mata Pelajaran Kimia/Biologi/Fizik/Sains di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

LEPASAN STAM
Mendapat sekurang-kurangnya JAYYID pada peringkat STAM.

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Sains di peringkat SPM.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 3.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 3** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Eksekutif Halal
- Eksekutif Jaminan Kualiti Makanan (Food Quality Assurance)
- Eksekutif Pengurusan & Pengeluaran Makanan di hotel, Premis dan Pusat Pelancongan, Pusat Rekreasi, Kelab Kesihatan & Hospital, Tadika Swasta
- Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan Makanan
- Pegawai Kawalan Mutu Makanan
- Pegawai Penyediaan Makanan
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Sains
- Pengurus Katering / Restoran / Cafetaria
- Penyelidik
- Usahawan Makanan

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Madya Dr. Siti Nur`Afifah binti Jaafar
Ketua Program, Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan & Pemakanan) dengan Kepujian

kp_pmp.fsma@umt.edu.my
09-6334959

SARJANA MUDA TEKNOLOGI PEMPROSESAN AGRO
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

7 Semester
3.5 Tahun
di Universiti Malaysia Terengganu



FAKUTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)

INFO PROGRAM

Program ini dirangka khusus untuk melahirkan graduan yang kompeten dalam bidang pemprosesan agro dan teknologi hasil pertanian. Ia memberi penekanan kepada aspek pengurusan pascatuai termasuk pemprosesan hasil tanaman, ternakan dan akuakultur, teknologi pengawetan, pembungkusan, keselamatan makanan, serta automasi dan logistik rantaian bekalan. Selain itu, program ini turut menyentuh elemen piawaian dan undang-undang hasil pertanian, pemprosesan sisa agro, serta keperluan industri makanan halal. Pendekatan holistik ini bertujuan untuk menyediakan graduan yang bersedia menyumbang kepada pembangunan sektor agro-makanan negara melalui teknologi pemprosesan yang lestari, inovatif dan selamat.

KURSUS-KURSUS TERAS

Teknologi Pemprosesan Hasil Tanaman, Teknologi Pengawetan dan Penyimpanan Hasil Pertanian, Teknologi Pembungkusan Hasil Pertanian, Automasi dan Simulasi Hasil Pertanian, Teknologi Pemprosesan Hasil Komoditi Ternakan dan Akuakultur, Analisis Keselamatan Produk Tanaman, Kaedah Penyelidikan dalam Pertanian, Piawaian dan Undang- undang Hasil Pertanian, Operasi Rantaian Bekalan dan Logistik Hasil Pertanian, Teknologi Pengurusan Penghasilan Makanan Agro Halal, Penilaian Deria Hasil Pertanian, Teknologi Pemprosesan Sisa Pertanian, Agroteknopreneur dan Pemasaran Digital, Teknologi Pengurusan Perosak dan Penyakit Lepas Tuai, Botani dan Fisiologi Tanaman, Sains Tanah Asas, Biologi Lepas Tuai, Projek Ilmiah Tahun Akhir, Latihan Industri.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM :
- Fizik/ Kimia/ Biologi

LEPASAN STPM (SASTERA)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat SPM :
- Biologi / Fizik / Kimia / Sains

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat Matrikulasi:
- Fizik/ Kimia/ Biologi

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (PERAKAUNAN)
Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat SPM :
- Biologi / Fizik / Kimia / Sains

LEPASAN DIPLOMA
Memiliki Diploma atau kelulusan lain dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti. Sekiranya diploma dalam bidang tidak berkaitan: Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam SATU (1) mata Pelajaran di peringkat SPM: Biologi/ Fizik/ Kimia/ Sains

LEPASAN STAM
1. Mendapat sekurang-kurangnya **JAYYID** pada peringkat STAM.
2. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam mata pelajaran Biologi / Fizik / Kimia / Sains di peringkat SPM.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk peperiksaan yang bermula sesi 1 tahun 2021 mengikut tempoh sah lakunya ialah 5 tahun mulai tarikh keputusan ujian dikeluarkan.

PROSPEK KERJAYA
- Pegawai Pertanian
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Kualiti
- Felo Pertanian
- Pengurus Ladang
- Agronomis
- Usahawan agro
- Ahli Akademik

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Madya Ts. Dr. Aidilla binti Mubarak
Ketua Program, Sarjana Muda Teknologi Pemprosesan Agro dengan Kepujian

kp_agro.fsma@umt.edu.my
09-6334992



FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)




TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

SARJANA MUDA SAINS (SAINS MARIN)
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

7 Semester
3.5 Tahun



FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)

INFO PROGRAM

Program ini bertujuan membangunkan sumber manusia terlatih di dalam pengurusan sumber lautan negara. Penekanan akan diberikan kepada ilmu teori dan praktikal sains marin yang komprehensif iaitu meliputi aspek oseanografi biologi, kimia, fizikal dan geologi. Aspek semasa yang menjadi tumpuan di dalam sains marin adalah seperti pembangunan sumber lautan, penilaian kesan alam sekitar, pencemaran dan polisi marin. Program ini juga mempunyai kelebihan dari segi latihan amali di laut dan projek penyelidikan berkaitan sains marin. Ini dapat dicapai memandangkan UMT mempunyai pelbagai peralatan oseanografi yang lengkap dan terkini.

KURSUS-KURSUS TERAS

Analisis Data Saintifik Marin, Asas Sains Marin, Biogeokimia Marin, Dinamik Pinggir Laut dan Muara, Lautan, Atmosfera dan Iklim, Matematik, Morfologi dan Pengurusan Persisiran Pantai, Oseanografi Biologi, Oseanografi Fizikal, Oseanografi Geologi, Oseanografi Kimia, Pencemaran Marin, Pendekatan Pengurusan dan Polisi Marin, Penderiaan Jauh dan GIS, Penilaian Kesan Alam Sekitar, Penulisan Saintifik dan Komunikasi dalam Sains, Produktiviti Marin.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran:
• **Biologi** • **Fizik** • **Kimia** • **Matematik T** • **Matematik M**

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran:
• **Biologi** • **Fizik** • **Kimia** • **Matematik**

LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

Memiliki Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon;

ATAU

Mempunyai **kelulusan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 2** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Pegawai Pemuliharaan
- Akuaris
- Juru Laut Fizikal
- Konsultan Alam Sekitar
- Kurator
- Pakar Pengendalian Makmal
- Pegawai Ecopelancongan
- Pegawai Kaji Selidik Marin dan Pantai
- Pegawai Maritim
- Pegawai Meteorologi
- Pegawai Pelabuhan Marin
- Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang Marin
- Pegawai Penilai Kesan Alam Sekitar
- Pegawai Penyelidik
- Pegawai Perikanan
- Pegawai Sektor Akuakultur
- Pegawai Sektor Minyak dan Gas Asli
- Pegawai Sektor Pendidikan (Pensyarah, Guru)
- Pegawai Taman Laut
- Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia
- Pemandu Selam Skuba
- Saintis

MAKLUMAT LANJUT

Dr. Nurulnadia binti Mohd Yusoff
Ketua Program, Sarjana Muda Sains (Sains Marin) dengan Kepujian

nurulnadia@umt.edu.my
09-6333943

SARJANA MUDA SAINS (BIOLOGI MARIN) DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

7 Semester
3.5 Tahun



FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)

INFO PROGRAM

Program ini memberi tumpuan kepada sumber hidupan laut dan bertujuan melahirkan graduan yang terlatih di dalam mengurus dan membangunkan sumber hidupan laut. Pada masa yang sama, pelajar akan didedahkan kepada ilmu menyeluruh berkaitan sains lautan yang mempengaruhi hidupan laut. Aspek penghasilan produk dari sumber hidupan marin akan diberi penekanan. Sumber terumbu karang dan hidupan laut yang kaya di Laut China Selatan akan dijadikan tumpuan semasa latihan amali pelajar.

KURSUS-KURSUS TERAS

Biologi Invertebrata Marin, Biologi dan Ekologi Terumbu Karang, Biologi Vertebrata Marin, Ekologi Muara dan Bakau, Kaedah & Instrumentasi Biologi Marin, Kehidupan dan Lautan, Kepelbagaian Mikrob Marin, Pendekatan Pengurusan & Penilaian Alam Sekitar, Pengeluar Primer Marin, Planktonologi, Pengenalan kepada Bioteknologi Marin, Prinsip Biokimia Marin, Pengurusan dan Pemuliharaan Biodiversiti, Prinsip Ekologi Marin, Marin Oceanografi Fizikal dan Geologi, Statistik dan Pengendalian Data Biologi.

SYARAT KHAS PROGRAM

LEPASAN STPM (SAINS)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat STPM:

- **Biologi**
- **Fizik**
- **Kimia**
- **Matematik T**

LEPASAN MATRIKULASI / ASASI (SAINS / KEJURUTERAAN)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam SATU (1) mata pelajaran di peringkat Matrikulasi / Asasi:

- **Biologi**
- **Fizik**
- **Kimia**
- **Matematik**

LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

Memiliki Diploma dengan mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 3.00** dalam bidang yang berkaitan dengan kursus yang dipohon;

ATAU

Mempunyai **kelulusan lain** yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

Mendapat sekurang-kurangnya **BAND 2.0** untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 atau **BAND 2** untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum dalam mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

PROSPEK KERJAYA

- Ahli Biologi Perikanan
- Pakar Genetik Marin
- Pemulihan Hidupan Liar Marin
- Pemuliharaan Marin
- Pendidik Marin
- Penganalisis Dasar Laut
- Pengurus Sumber Marin
- Perunding Alam Sekitar
- Saintis Penyelidikan Marin

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Madya Dr.Nurul Huda binti Ahmad Ishak
Ketua Program, Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) dengan Kepujian

huda@umt.edu.my
09-6333888

SARJANA MUDA SAINS (GEOSAINS MARIN)
DENGAN KEPUJIAN

TEMPOH PENGAJIAN

7 Semester
3.5 Tahun

UG6443003



FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)

INFO PROGRAM

